



AHMAD SHABERY CHEEK (kanan) dan Mohd. Sharkar Shamsuddin (tiga dari kanan) mendengar penerangan pemilik sangkar ikan, Abdul Rahim Abdul Husin (dua dari kanan) ketika melihat ikan tilapia yang hampir mati akibat air Sungai Pahang surut berikutan fenomena El Nino di Kampung Teluk Ira, Temerloh, semalam.

332 penternak ikan rugi RM6.9j

Oleh **MOHAMAD SHOFI MAT ISA**
shofi.isa@utusan.com.my

■ **TEMERLOH 7 APRIL**

SEBANYAK 332 penternak ikan dalam sangkar dan kolam di seluruh negara rugi mencecah RM6.9 juta apabila ternakan yang mereka usahakan seperti ikan puyu, keli, tilapia, patin, jenahak, siakap merah dan tanaman rumpai laut mati akibat cuaca panas melampau.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek berkata, daripada jumlah itu, negeri Pahang mencatat jumlah penternak paling ramai terjejas iaitu 239 orang manakala Terengganu (54), Perak (27), Perlis (lapan) dan Kedah (4).

Kata beliau, bagi mengatasi masalah ekoran fenomena El Nino itu, kerajaan akan menyalurkan

info

PENTERNAK TERJEJAS

Negeri	Bilangan
Pahang	239
Terengganu	54
Perak	27
Perlis	8
Kedah	4
Jumlah	332

sejuta benih ikan tilapia dan patin dari Pusat Pengembangan dan Pusat Penyelidikan Jabatan Perikanan kepada penternak terjejas bermula bulan depan.

“Menerusi agensi berkaitan, kesemua pengusaha yang terlibat akan dibanci serta didaftarkan bagi

membolehkan bantuan disalurkan.

“Tiada guna benih ikan itu diberikan sekarang kerana musim El Nino belum berakhir. Jadi agensi yang terlibat terlebih dahulu perlu membuat laporan berkaitan kerugian dan pengusaha terlibat,” katanya selepas meninjau sangkar ikan yang diusahakan di Kampung Teluk Ira dan Kampung Bangau Parit di sini hari ini.

Yang hadir sama, Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan dan Kebudayaan negeri, Datuk Seri Mohd. Sharkar Shamsuddin.

Dalam perkembangan berkaitan, Ahmad Shabery memberitahu, kerjasama yang lebih menyeluruh antara agensi seperti kerajaan negeri, Jabatan Meteorologi, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) serta Jabatan Alam Sekitar (JAS) perlu dibentuk bagi menangani masalah yang sama kelak.

Menurutnya, Jabatan Perikanan

dapat membuat jangkaan, sekali gus memberi nasihat awal kepada pengusaha untuk tindakan awal menerusi kerjasama tersebut menjelang musim El Nino pada masa akan datang.

“Kita perlu memikirkan satu pelan tindakan lebih awal bagi mengelak perkara ini menjadi lebih buruk. Jabatan Meteorologi akan memberi amaran berkaitan cuaca kering, JPS boleh membuat jangkaan terhadap sungai yang terjejas dan Jabatan Perikanan dapat memaklumkan pengusaha kawasan yang tidak sesuai untuk membuat sangkar.

“Kita mahu kurangkan kesan buruk pada masa akan datang, maka segala persediaan perlu dibuat lebih awal dengan analisis mencukupi,” katanya.

Selain itu tambahnya, kementerian itu juga akan menimbangkan bantuan lain seperti bantuan wang ihsan bagi menampung jumlah kerugian penternak terlibat.